

**UCAPAN  
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI  
SEMPENA PELANCARAN PROJEK NUSAJAYA  
DI NUSAJAYA, JOHOR  
23 FEBRUARI 2007**

-----

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM  
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YAB DATO' ABDUL GHANI OTHMAN  
MENTERI BESAR JOHOR

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

YBHG. DATO' AZMAN MOKHTAR  
PENGARAH URUSAN, KHAZANAH NASIONAL BERHAD

YBHG. DATUK ABU HASSAN KENDUT  
PENGERUSI, KUMPULAN U.E.M.

YBHG. DATO' AHMAD PARDAS SENIN  
PENGARAH URUSAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, KUMPULAN U.E.M.

DIF-DIF KEHORMAT

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN, PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN LIMPAN KURNIA DAN IZIN-NYA DAPAT KITA BERKUMPUL BERSAMA PADA PETANG INI UNTUK MERAIKAN SATU PROGRAM PEMBANGUNAN YANG AMAT PENTING DAN BERMAKNA BAGI WILAYAH INI.

2. HARI INI, KITA BERDIRI DI TAPAK PEMBANGUNAN NUSAJAYA, IAITU SALAHSATU DARIPADA LIMA ZON 'FLAGSHIP' DI DALAM PROGRAM WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR. SEPERTI YANG DISEBUT TADI OLEH YAB MENTERI BESAR JOHOR, DATO ABDUL GHANI OTHMAN, SERTA OLEH PENGERUSI KUMPULAN U.E.M., DATUK ABU HASSAN KENDUT, ZON INI TELAH DIKENALPASTI UNTUK MENJADI PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN BARU BAGI NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM. AGENSI-AGENSI KERAJAAN NEGERI JOHOR DAN JUGA AGENSI-AGENSI PERSEKUTUAN PERINGKAT NEGERI AKAN BERPUSAT DI NUSAJAYA, MENJADIKAN KAWASAN INI TUMPUAN ATAU 'HUB' BAGI SEBARANG URUSAN PENTADBIRAN YANG BERKAITAN DENGAN KERAJAAN.

3. SECARA SIMBOLIK, PEMUSATAN URUSAN PENTADBIRAN DI SATU LOKASI ADALAH AMAT BERMAKNA. IA MELIHATKAN PENGURANGAN JARAK DI ANTARA AGENSI DAN JABATAN. IA MELAMBANGKAN HUBUNGAN YANG LEBIH DEKAT DAN KERJASAMA YANG LEBIH PADU DI ANTARA PELBAGAI FUNGSI KERAJAAN, DI WILAYAH INI DAN DI SELURUH NEGERI JOHOR.

4. DENGAN ITU, SIMBOL KEKUATAN PENTADBIRAN KERAJAAN INI HARUS BENAR-BENAR DAPAT DIRASAI SEHINGGA KE PERINGKAT AKAR UMBI PERKHIDMATAN AWAM, SEKIRANYA KITA MAHU WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR BENAR-BENAR BERJAYA DAN SEKIRANYA KITA MAHU PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR TERUS MELONJAK TINGGI.

5. PADA PAGI TADI, SAYA TELAH MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT PERBADANAN PEMBANGUNAN WILAYAH ISKANDAR BERSAMA DENGAN DATO ABDUL GHANI OTHMAN, DI MANA KAMI TELAH MEMBINCANGKAN PELBAGAI ISU, TERUTAMANYA USAHA UNTUK MENARIK PELABURAN KE WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR. UNTUK MENANDINGI DESTINASI-DESTINASI DUNIA YANG LAIN SEPERTI DUBAI, SHENZHEN DAN BANGALORE, DAYA TARIKAN KITA SEPERTI INFRASTRUKTUR, UNDANG-UNDANG, PAKEJ INSENTIF SERTA KEBERKESANAN PERKHIDMATAN AWAM HARUS MENCAPAI, MALAH MELEBIHI, TAHAP MEREKA.

6. PELBAGAI USAHA SEDANG DIJALANKAN UNTUK MENAMBAHBAIK DAN MENINGKATKAN INFRASTRUKTUR DI DALAM WILAYAH INI. INI TERMASUK MELALUI PERANCANGAN KERAJAAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN DAN JUGA MELALUI PELBAGAI USAHA PEMBAIKAN SEMULA BERIKUTAN PERISTIWA BANJIR YANG MELANDA JOHOR, AGAR KEHIDUPAN WARGA JOHOR DAPAT DIPULIHKAN SEGERA DAN MUSIBAH SEPERTI INI DAPAT DITANGANI DENGAN LEBIH BAIK DI MASA HADAPAN. DARI SEGI UNDANG-UNDANG PULA, SUKACITA SAYA MENGUMUMKAN BAHAWA AKTA PIHAK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR 2007 TELAH MULA BERKUATKUASA PADA 17 FEBRUARI 2007, SETELAH DIBENTANG DAN DILULUSKAN OLEH PARLIMEN DENGAN KADAR BEGITU PANTAS. DARI SEGI INSENTIF, SATU KERTAS CADANGAN AKAN DISEDIAKAN BULAN HADAPAN YANG AKAN MENGESYORKAN PAKEJ-PAKEJ INSENTIF YANG AMAT KOMPETITIF.

7. SESUNGGUHNYA, SEMANGAT SEPERTI INI, IAITU SEMANGAT UNTUK MEMILIKI DAYA SAING DAN DAYA TAHAN BERBANDING DESTINASI GLOBAL YANG LAIN, HARUS JUGA DIPRAKTIKKAN DI SEMUA PERINGKAT PENTADBIRAN KERAJAAN DAN PERKHIDMATAN AWAM. NUSAJAYA HARUS MENJADI LEBIH DARIPADA PROJEK INFRASTRUKTUR; IA HARUS MENJADI SIMBOL PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN AWAM YANG CEKAP DAN RESPONSIF, SETARAF DENGAN PERKHIDMATAN AWAM DI KAWASAN-KAWASAN LAIN YANG BERSTATUS 'MAJU'.

8. MALAH, UNTUK MENCAPAI TARAF DUNIA, CITA-CITA TINGGI HARUS DIIRINGI DENGAN CETUSAN USAHA, SEMANGAT DAN DAYA JUANG YANG PADU. INI ADALAH RASIONAL DAN PRINSIP DI SEBALIK WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR. PEMBANGUNAN DI NUSAJAYA DAN ZON-ZON LAIN DI DALAM WILAYAH ISKANDAR HARUS DIJALANKAN MENGIKUT STANDARD YANG BERBEZA DARI BIASA KERANA WILAYAH INI AKAN BERTANDING DENGAN DESTINASI-DESTINASI UTAMA DUNIA UNTUK MENARIK PELABURAN, PELANCONG DAN PEKERJA MAHIR. STANDARD INI HARUS DIGUNAPAKAI UNTUK SEMUA ASPEK PEMBANGUNAN DI WILAYAH INI, DARI SEGI INFRASTRUKTUR, UNDANG-UNDANG, PERKHIDMATAN AWAM DAN SEBAGAINYA. SAYA PERCAYA MALAYSIA MAMPU MENJADI BERTARAF DUNIA, DAN WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR INILAH YANG AKAN MEMBUKTIKANNYA.

LADIES AND GENTLEMEN,

9. THREE AND A HALF MONTHS AGO, I HAD THE PLEASURE OF WITNESSING THE LAUNCH OF AN EXCITING AND AMBITIOUS PROGRAM BY HIS MAJESTY, THE SULTAN OF JOHOR. THIS PROGRAM, NAMED THE ISKANDAR DEVELOPMENT REGION, AIMS TO BE A NEW MALAYSIAN GROWTH CENTRE SITUATED IN THE SOUTH OF JOHOR. COVERING OVER 220,000 HECTARES, THE ISKANDAR DEVELOPMENT REGION, OR I.D.R., WILL BECOME THE LARGEST URBAN DEVELOPMENT THAT SOUTHEAST ASIA HAS SEEN TO-DATE. SITED AT ONE OF THE BUSIEST WATERWAYS IN THE WORLD, THE I.D.R. IS NATURALLY POSITIONED TO BE A MAJOR GLOBAL DESTINATION FOR LOGISTICS, INDUSTRY AND TOURISM.

10. TODAY, I HAVE THE DISTINCT PLEASURE OF LAUNCHING ONE OF I.D.R.'S FIVE FLAGSHIP ZONES, NUSAJAYA. AS MENTIONED EARLIER, NUSAJAYA IS SET TO BECOME THE NEW ADMINISTRATIVE CENTRE FOR THE STATE OF JOHOR, AS WELL AS THE HUB FOR MEDICAL SERVICES, HIGHER EDUCATION AND HIGH-TECH INDUSTRIES. WITH THE FOCUS ON THESE CLUSTERS, NUSAJAYA WILL EVOLVE TO BECOME A UNIQUE AREA FOR GOVERNMENT ADMINISTRATION AND KNOWLEDGE CREATION, COMPLEMENTING THE OTHER FOUR ECONOMIC ZONES, TO MAKE THE ISKANDAR DEVELOPMENT REGION A WORLD-CLASS METROPOLIS.

11. THE DEVELOPMENT OF NUSAJAYA ALSO PROVIDES A SIGNIFICANT EXAMPLE OF PUBLIC-PRIVATE PARTNERSHIP. U.E.M. GROUP, THROUGH U.E.M. LAND SDN BHD AS THE MASTER DEVELOPER OF NUSAJAYA, HAS TAKEN UP THE GOVERNMENT'S CALL FOR THE PRIVATE SECTOR TO LEAD THE ECONOMIC GROWTH PROCESS. I COMMEND U.E.M.'S EFFORTS IN UNDERTAKING A PROJECT OF THIS MAGNITUDE AND I HOPE NOTHING SHORT OF WORLD-CLASS STANDARDS WILL PREVAIL IN THE IMPLEMENTATION OF THIS PROJECT. THIS MUST NOT ONLY COVER CONSTRUCTION STANDARDS, BUT ALSO THE DESIGN WORK AND THE FACILITIES PUT UP HERE TO CATALYSE PRODUCTIVITY, LEISURE, COMMUNITY INTEGRATION AND AN APPRECIATION FOR THE NATURAL ENVIRONMENT.

12. IT IS IMPORTANT TO AIM FOR NOTHING LESS THAN "WORLD-CLASS" IN THE I.D.R.. AS A GLOBAL DESTINATION, THE I.D.R. MUST REPRESENT THE BEST THAT SOUTHEAST ASIA CAN OFFER TO INVESTORS, LOCAL BUSINESSES, KNOWLEDGE WORKERS AND VISITORS. THIS ENCOMPASSES ALL ASPECTS OF DEVELOPMENT, FROM INFRASTRUCTURE, TO REGULATIONS, TO INCENTIVES TO PUBLIC SERVICES. WITH REGIONAL ECONOMIC ZONES SUCH AS DUBAI, SHENZHEN AND BANGALORE EMERGING AS GLOBAL ECONOMIC POWERHOUSES, THE I.D.R. MUST ENSURE THAT IT IS CONSISTENTLY COMPETITIVE AND THUS, FREQUENTLY CHOSEN AS THE PREFERRED DESTINATION. THIS MEANS BENCHMARKING OURSELVES AGAINST THE BEST. THIS MEANS LIVING BY WORLD-CLASS STANDARDS.

13. WITH THE ESTABLISHMENT OF THE ISKANDAR REGION DEVELOPMENTAL AUTHORITY, WHICH WILL ACT AS A ONE-STOP CENTRE FOR BOTH PUBLIC AND PRIVATE SECTOR PLAYERS, WE AIM TO CREATE A MORE BUSINESS-FRIENDLY AND RESPONSIVE ENVIRONMENT IN THE I.D.R.. AT THE SAME TIME, THE SOUTH JOHOR INVESTMENT CORPORATION, OR S.J.I.C., WILL UNDERTAKE THE ROLE OF 'SUPER DEVELOPER', SPEARHEADING KEY PROJECTS AROUND THE REGION TO CATALYSE THE ENTRY OF FURTHER INVESTMENTS.

14. THESE INITIATIVES, ALONG WITH THE DEVELOPMENT OF NUSAJAYA, WILL FOSTER GROWTH OF THE ECONOMY AND MOST IMPORTANTLY, INCREASE THE LIVELIHOODS OF LOCAL COMMUNITIES. I LOOK TO THE FEDERAL GOVERNMENT AGENCIES, THE STATE GOVERNMENT, KHAZANAH NASIONAL, U.E.M. GROUP AND OTHER PRIVATE SECTOR PARTNERS TO EXERT ALL EFFORTS IN BRINGING THIS SHARED VISION TO LIFE. IF IMPLEMENTED AND MANAGED WELL, NUSAJAYA AND THE I.D.R. WILL BECOME A NEW GROWTH ENGINE NOT ONLY FOR MALAYSIA, BUT ALSO THE REGION.

15. ON THAT NOTE, AND WITH THE RECITATION OF BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, IT IS NOW PLEASURE TO OFFICIALLY LAUNCH NUSAJAYA.

THANK YOU.